

บทความวิชาการ

สิทธิการดูแลเด็กตามกฎหมายในประเทศไทย

มหาดีบิน อัล-หามัด*, ชูลีชา กุศริน**, มูอัมหมัดนัสรอน มูอัมหมัด***

*อาจารย์ประจำสาขาวิชากฎหมายอิสลาม (ชีรียะ) มหาวิทยาลัยนานาชาติ มาเลเซีย (UKM)

** รองศาสตราจารย์ประจำสาขาวิชากฎหมายอิสลามและการดูแลการ คณบดีอิสลามศึกษา (UKM)

***ศาสตราจารย์ประจำสาขาวิชากฎหมายอิสลามและการดูแลการ คณบดีอิสลามศึกษา (UKM)

บทคัดย่อ

การศึกษารังนั้น มีจุดมุ่งหมายเพื่อหารือเกี่ยวกับการดำเนินงานของการดูแลเด็กในประเทศไทย ใน การดำเนินการตามสิทธิการดูแลที่มีอยู่ในกฎหมายครอบครัวอิสลามในประเทศไทยที่ระบุไว้ในกฎหมายครอบครัว อิสลามที่มีอยู่ภายใต้เขตอำนาจของรัฐนั้นๆ ระเบียบวิธีวิจัยได้ทำการศึกษาด้วยเก็บรวบรวมข้อมูลจากการอ้างอิง วรรณกรรมตามห้องสมุดต่างๆ ที่มีอยู่ในหนังสือพิมพ์ (บทบัญญัติ) วารสารกฎหมายและข้อพิพาทที่ได้ปรากฏขึ้นในศาล และการได้มาซึ่งข้อมูลด้วยการสัมภาษณ์กับหน่วยความและผู้พิพากษาศาล Syariah ผลการศึกษาออกเป็นสองส่วน คือส่วนแรก ในส่วนของการดูแลเด็กตามกฎหมายครอบครัวของแต่ละรัฐเป็นไปตามกฎหมายอิสลาม ประการที่สองใน แห่งของหลักการดำเนินงานโดยศาล ได้พิจารณาถึงข้อเท็จจริงของการดำเนินคดีแล้ว โดยให้สิทธิที่เป็นประโยชน์และ สวัสดิการของเด็กมากกว่าการให้สิทธิประโยชน์ของผู้เป็นสามีและภรรยาเมื่อมีการเกิดข้อพิพาทขึ้นมา ซึ่งสอดคล้อง กับความต้องการของหลักการ จากการณ์นี้การดำเนินงานในแต่ละรัฐที่เกิดขึ้นในการณ์การหย่าร้าง อันเนื่องมาจากการ เรียกร้องสิทธิการดูแล ค่าเลี้ยงดูบุตร ค่าเลี้ยงดูหลังการหย่าร้าง และสินสมรสการแต่งงาน

คำสำคัญ: สิทธิการเลี้ยงดูบุตร, กฎหมายอิสลามในประเทศไทย

Article

Discuss the Implementation of Child Care (of custody) in Malaysia

Mahyidin Bin Hamat, Zuliza Kusrin**, Mohamad Nasran Mohamad****

*Lecturer, Department of Islamic Law, in Program Law of Islamic, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

** Assoc. Prof. of Shariah and judicature, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia

***Prof. of Shariah and judicature, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

This study aims to discuss the implementation of child care (of custody) in Malaysia. Research focus is on the implementation of custody rights contained in the Islamic Family Law in Malaysia. Implementation in Malaysia provided in the Family Law Enactment Islam under the jurisdiction of their respective states. The research methodology for collecting data is through the study of literature to refer books of fiqh, law journals and court case files, in addition, data are collected through interviews with lawyers and judges interview Syariah court. The results summarized into two main areas: first, provisions in respect of custody in Family Law Enactment of each country is in line with Islamic law. Secondly, in terms of implementation principles adopted by the Syariah Court when considering the facts of the case over the interests of the welfare of children against the interests of the husband and wife quarrel, in line with Islamic requirements. The demands contained in the enactment of any country that arise in a divorce case is nursing child rights, child support and alimony in waiting, muta'ah and matrimonial property

Keywords: Implementation of Child, Islamic Law in Malaysia

Article

Pelaksanaan Penjagaan Anak (Hadhanah) di Malaysia

Mahyidin Bin Hamat*, Zuliza Kusrin**, Mohamad Nasran Mohamad***

*Pensyarah di Jabatan Syariah, pakar dalam bidang Undang-Undang Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

** Prof. Madya Jabattan Shariah and Kehakiman, Pusat Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

***Prof. Jabattan Shariah and Kehakiman, Pusat Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan penjagaan anak (Hadhanah) di Malaysia. Fokus kajian ialah mengenai pelaksanaan hak Hadhanah yang terkandung dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Pelaksanaannya di Malaysia diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di bawah bidangkuasa setiap negeri masing-masing. Metodologi kajian untuk mengumpul data adalah melalui kajian kepustakaan dengan merujuk kitab-kitab fiqh, jurnal hukum dan fail kes mahkamah, selain itu, data juga dikumpul melalui temubual dengan cara temuramah peguam dan hakim mahkamah Syariah. Hasil kajian dirumuskan kepada dua perkara utama iaitu pertama, peruntukkan berkenaan Hadhanah di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri adalah selaras dengan hukum Syarak. Kedua, dari aspek pelaksanaannya prinsip yang diguna pakai oleh Mahkamah Syariah semasa menimbangkan fakta-fakta kes lebih mengutamakan kepentingan kebaikan kanak-kanak berbanding kepentingan suami dan isteri bertelingkah, ini sejajar kehendak Syarak. Tuntutan-tuntutan yang terdapat dalam enakmen setiap negeri yang timbul dalam kes perceraian ialah hak perjagaan anak, nafkah anak dan nafkah dalam idah, *muta'ah* dan harta sepencarian.

Kata Kunci: Hadhanah, Undang-undang di Malaysia

Pengenalan

Sebagaimana yang diketahui, bahawa hukum hadhanah adalah wajib sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Qur'an. Firman Allah S.W.T.:

إِذْ تَمْشِي أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ
أَذْلُكُمْ عَلَى مَنْ يَكْفُلُهُ

Maksudnya: Tatkala saudara perempuanmu pergi mencarimu, lalu ia berkata kepada kepada orang-orang yang memunggutmu "Bolehkah saya menunjukkan kepadamu orang yang akan memeliharanya? " (Surah Tāhā, 20:40)

Isu hadhanah ini tidak timbul selagi pengkonsian hidup antara suami isteri masih utuh dan mengamalkan budaya tolenrasi diantara satu sama lain demi mengekalkan bahtera perkahwinan yang diikat dengan lafaz yang suci atas dasar percintaan dan kasih sayang yang sejati.

Kebiasaan isu hak hadhanah ini timbul apabila berlaku kes-kes penceraian dan pembubaran perkahwinan seperti *fasakh*, *khulu'* dan cerai *ta'lik* akibat dari perkahwinan yang tidak serasi diantara suami isteri yang sekian lama sehingga melahirkan anak.

Semenjak akhir akhir ini isu penceraian dikalangan suami isteri begitu ketara sekali dan banyak kes-kes tuntutan cerai di mahkamah tidak dapat di selesaikan kerana terlalu banyaknya pemohonan-pemohonan yang dibuat.

Apabila penceraian diputuskan di mahkamah sama ada dengan talak satu, dua atau tiga, kesnya bukan terhenti begitu sahaja,

malah banyak lagi perkara yang perlu di selesaikan oleh pihak mahkamah terutama hak hadhanah, harta sepencaraian dan nafkah dalam idah, nafkah anak-anak dan sebagainya. Dan yang menjadi isu pertingkaian selepas penceraian yang diputuskan oleh Mahkamah selain dari harta pencarian dan nafkah, isu hak penjagaan anak-anak.

Tuntutan dan permohonan hak hadhanah dikalangan ibu atau bapa selepas penceraian menjadi pertikaian yang hangat sehingga kes ini terpaksa dibawa ke Mahkamah untuk membuat pengadilan yang sewajarnya siapakah dikalangan suami isteri yang bercerai ini yang layak terhadap penjagaan anak-anak mereka.

Contoh kes yang berlaku dewasa ini iaitu tuntutan dan permohonan hak penjagaan anak-anak ini dibuat oleh Awi, iaitu seorang penyanyi dan pelakon terkenal. Nama sebenar beliau Ahmad Azhar Othman. 39. Tuntutan dan permohonan ini dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan Pahang, terhadap dua orang anak perempuannya, Puteri Aleeya Antasha, 7 tahun, dan puteri Aleefa Antasha, 5 tahun, yang sebelum ini dibawah jagaan ibunya, Arni Nazira Anuar, 29.

Tuntutan hak hadhanah yang dibuat oleh Awi ini kerana beliau tidak berpuashati dengan penjagaan isterinya, Arni, didalam mengurus keperluan anak-anaknya termasuk makan, minum dan pendidikan.

Perbicaraan kes ini dilakukan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Datuk Abdul Rahman Yunus. Sementara Awi diwakili oleh peguamnya Mohd Sazali Abd. Aziz dan Arni pula diwakili oleh peguamnya Zuki Che Mat Ghani dan Aminuddin Abdullah. Peguam

pemohon berhujah ibu kepada kanak-kanak tersebut telah hilang kelayakan kerana telah berkahwin lain dengan lelaki yang tidak mempunyai hubungan dengan kanka-kanak tersebut. Mahkamah telah memutuskan perintah sementara dua anak ini diberi jagaan kepada bapa manakala ibu diberi hak mengambil dan bermalam selama sepuluh hari setiap bulan mulai perintah ini dikeluarkan. (Sinar Harian. Bil. 436. 16 November 2007. m.s N4.)

Kes yang sama juga yang berlaku kepada Siti Nadzirah Mohd Nasir, 20, seorang rakyat Malaysia, terhadap perebutan hak hadhanah (penjagaan) anaknya, Arman Khan,11 bulan, dengan bapa mertua serta suaminya seorang rakyat Pakistan, Fazal Azim,24, di Mahkamah Tinggi Peshawar di Buner Pakistan. Kes ini masih dalam perbicaraan Mahkamah. (Sinar Harian. Bil 423. 03 November 2007. m.s N2.)

Namun pada 19 November Siti Nadzirah mlarikan anaknya dari Pakistan ke Malaysia dengan selamat, (Harian Metro, Edisi Tengah, Khamis, 22 november 2007, m.s,4.) maka kes ini masih dalam simpanan Mahkamah Tinggi Peshawar di Buner Pakistan.

Banyak lagi kes-kes seumpama ini yang berlaku perebutan di antara suami isteri dalam hak hadhanah selepas penceraian berlaku. Kes ini berlaku kerana tidak ada tolak ansur dan timbul tidak puashati dikalangan suami isteri terhadap mereka yang diberi hak hadhanah. Pendek kata, isu Hak hadhanah ini tidak akan selesai selagi mana kes penceraian ini masih wujud dalam masyarakat.

Bermotif kepada isu inilah yang mendorong penulis untuk menyelidik secara

terperinci peruntukan undang-undang Mahkamah syariah dalam melaksanakan kes perebutan hak hadhanah ini, adakah pelaksanaan hak hadhanah ini berdasarkan kepentingan kebaikan anak-anak atau untuk memberi kepuasan tuntutan ibu bapa yang telah bercerai. Maka kurasannya kita lihat kepada peruntukan dan pelaksanaan dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.

Hahanah Menurut Undang-undang Keluarga Islam

Apabila sesuatu kes penceraian atau pembubaran perkahwinan berlaku, perkara yang menjadi petelingkahan di Mahkamah di antara suami isteri, kebiasaannya tentang tuntutan Hak Penjagaan Anak-Anak. Sebagaimana kes Awi dengan Arni. Mengenai kes seumpama ini, Mahkamah Tinggi Syariah di setiap Negeri di Malaysia memperuntukkan Akta atau Enakmen ataupun Ordinan yang tersendiri. Namun mengikut pemerhatian penulis Akta atau Enakmen ataupun Ordinan di setiap Negeri hampir sama, tidak ada apa-apa perbezaan kecuali perbezaan pada seksyennya sahaja.

Akta Undang-undang keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan. Seksyen 81 (1) Tertakluk kepada Seksyen 82. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor. 81 (1) Tertakluk kepada Seksyen 82 dan 84. Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang. Seksyen 81 (1). Tertakluk kepada seksyen, 82. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 82 (1) Tertakluk kepada Seksyen 83. Dan kelantan Seksyen 82 (1). Tertakluk kepada Seksyen 83. Enakmen Keluarga Islam Kedah. Seksyen 69 (1). Tertakluk kepada Seksyen 70. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri

Perak. Seksyen 77 (1) Tertakluk kepada Seksyen 78. Enakmen Keluarga Islam Sabah. Seksyen 87 (1) Tertakluk kepada Seksyen 88. Dan Ordinan Negeri Serawak 85 (1) Tertakluk kepada Seksyen 86. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor, 2003, seksyen 82(2). Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan.2003, sekysen 82(2). Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang, 2005, sekysen 82(2). Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Terengganu, 2002, seksyen 82 (2), telah memperuntukkan:

“ Bahawa ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan”.

Di sini jelas menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia menepati hukum Syarak yang telah diijamakan oleh Ulama' yang berpandukan Hadith Nabi SAW dari Abdillah Bin ‘Amr ibn al-As dalam kes seorang perempuan yang dicerai oleh suami, dan mempunyai seorang anak lelaki datang kepada Mahkamah Pengadilan Rasulullah SAW mengadu kes suaminya hendak mengambil anak itu untuk dipelihara dan dijaga dibawah asuhannya. Perempuan itu datang seraya berkata:

“Wahai Rasulullah, sesungguhnya anak ini perut akulah yang mengandungnya, ribaankulah yang mengawasinya, dan air susu akulah minumannya; bapanya hendak merebutnya daripada aku”

Setelah mendengar pengaduan perempuan tersebut, Rasulullah SAW membuat keputusan atas pengadilan itu dengan sabdanya:

“Engkaulah yang lebih berhak menjaga anak itu selama engkau belum berkahwin.”

(Lihat Taalhish al-Hibbiah jid 4. bab hadhanah m.s 1305.) (Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, al-Baihaqi dan al-Hakim)

Kes yang sama juga berlaku di antara Sayyidina Umar Bin al-Khattab dengan Mak Mertuanya yang diadili oleh Tuan Hakim Amirul Mukminin Sayyidina Abu Bakar. Kes ini diriwayatkan daripada Yahya Bin Sai'd, katanya:

“Saya mendengar Muhammad Bin al-Qasim berkata bahawa Sayyidina Umar Bin al-Khattab mempunyai seorang isteri daripada kaum Ansar di Madinah. Hasil daripada perkahwinan itu ia mendapat seorang anak lelaki bernama ‘Asim Bin Umar. Kemudian Sayyidina Umar bercerai dengan isterinya.

Pada suatu hari ketika Sayyidina Umar pergi ke Quba', Beliau bertemu anaknya sedang bermain di dalam Masjid. Sayyidina Umar mengambil anaknya dan meletakkannya di atas kuda. Pada ketika itu, datanglah nenek anak tersebut, Sayyidina Umar berkata: ‘Ini anakku’. Perempuan itu berkata pula, ‘Ini anakku’. Perkara ini dibawa ke hadapan pengadilan Amirul Mukminin, Sayyidina Abu Bakar.

Setelah mendengar pengaduan tersebut, Sayyidina Abu Bakar memberi keputusan Kehakiman bahawa anak Sayyidina Umar itu hendaklah diserah dibawah penjagaan ibunya, kerana ibunya lebih sensitif, lebih halus, lebih kasih, lebih mesra dan lebih baik penjagaannya.

Setelah mendengar keputusan yang diadili itu, Sayyidina Umar menerima dengan hati yang terbuka (Lihat Taalhish al-Hibbiah jid 4. bab hadhanah m.s 1305.).

(Hadith riwayat Imam Malik al-Muwatta').

Di antara kes yang diputuskan oleh pengadilan Mahkamah menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia yang menepati Hadith: “Engkaulah yang lebih berhak menjaga anak itu selama engkau belum berkahwin”. Iaitu beberapa kes:

Dalam kes di Kedah, *Rosnah lwn Mohammad Nor.* (1975 1 JH (1) 42.) Faktanya ialah selepas kematian bapa seorang anak perempuan, nenek budak itu telah mengambil anak itu dari ibunya dan memberinya kepada kena tuntut, bapa saudara anak itu, kerana dikatakan bapanya telah berwasiat sebelum ia meninggal dunia bahawa anak itu hendaklah dipelihara atau dijaga oleh pihak kena tuntut. Ibu anak itu telah menuntut hak jagaan anak itu. Mahkamah Kadi Besar telah menghukumkan anak itu diberi kepada ibunya berdasarkan kepada pendapat maksudnya, ‘Apabila berhimpun lelaki dan perempuan maka keutamaan hendaklah diberi kepada ibu-ibu hingga ke atas yang menjadi ahli waris’ (*Muhammad Amin al-Shafi'i*). Rayuan saudara bapa anak itu kepada Mahkamah Rayuan Syariah telah di tolak kerana diputuskan hukuman Kadi Besar ada berbetulan menurut Hukum Syarak.

Dalam kes di Kedah, *Mohamad Salleh lwn Azizah* (1984 4 JH 212) isteri yang telah dicerai menuntut hak jagaan empat orang anaknya berumur antara lima tahun dan 39 hari, daripada bekas suaminya. Pada masa penceraian anak-anak itu telah diserahkan kepada bapanya tetapi pihak menuntut mendakwa pada masa itu dia berada dalam kesihatan terlalu lemah, baru bersalin tiga hari. Mahkamah Kadi Besar mendapati apa yang dikatakan surat perjanjian atau surat kerelaan

yang dibuat antara pihak menuntut dan pihak kena tuntut itu adalah bercanggah dengan Hukum Syarak memandangkan bayi yang empat-empat itu termasuk seorang bayi berumur di bawah dua tahun .Dia merujuk kepada ayat al-Quran, Surah al-Baqarah (2): 232 yang bermaksud, ‘Para ibu hendaklah menyusu anak-anaknya selama dua tahun penuh iaitu bagi menyempurnakan penyusuan’. Tidak ada bukti bahawa ibu itu tidak berkelayakkan memelihara anak iaitu dari segi akal fikiran, keagamaan, keharmonian, amanah, kepercayaan dan Mahkamah didapati dia masih mukim di tempat yang tetap baginya dan belum lagi bersuami lain. Oleh kerana itu diputuskan bahawa anak-anak itu hendaklah dipelihara oleh ibunya. Rayuan telah dibuat ke Mahkamah Rayuan yang telah menolak rayuan itu. Dalam penghakimannya Mahkamah Rayuan berkata:

Kami bersetuju dengan pihak rayuan di dalam perkara bayan hukuman Tuan Yang Arif Kadi Mahkamah iaitu perjanjian yang mana Tuan Kadi Mahkamah telah mengatakan, ‘surat perjanjian atau kerelaan yang dibuat di antara pihak menuntut dan pihak kena tuntut didapati bercanggah dengan Hukum Syarak’ bahawasanya kami berpendapat, ‘Surat perjanjian atau kerelaan itu tidak bercanggah disisi Syarak’ bahawasanya kami berpendapat, ‘Surat perjanjian atau kerelaan itu tidak bercanggah di sisi Syarak mengikut Nash Tuhfah Juzuk 8 di ms 359, yang bermaksud, ‘Dan kerana itu kalau Hadhinah menggugurkan haknya nescaya ia akan berpindah kepada orang selepas pula. Maka dengan itu gugurlah haknya daripada tarikh surat itu dibuat iaitu pada tarikh 14 julai 1980. Manakala pada 4

November 1980. Hadhinah telah membuat satu tuntutan di Mahkamah Kadi Besar menuntut kembali haknya (Hadhanah) ke atas bekas suaminya dan menarik balik surat perjanjian yang lulus pada Syarak mengikut nash Tuhfah Juzuk 8 di m.s 359 yang bermaksud, ‘Kembali haknya dan jika berulang yang demikian daripadanya sekalipun’. Berkenaan dengan ayat al-Qur'an yang dirujuk oleh Kadi Besar ayat itu tidak menjelaskan fakta-fakta dalam kes ini dan tidak membawa apa-apa kesan pada hukuman. Mahkamah Rayuan oleh kerana itu mengesahkan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Kadi Besar akan tetapi atas alasan-alasan lain.

Dalam kes di Pulau Pinang, Zawiyah lwn Ruslan, (1980 1 JH (2) 102.) pihak menuntut telah diceraikan oleh pihak kena tuntut. Mereka mempunyai seorang anak perempuan berumur hampir tiga tahun. Pihak menuntut telah membuat tuntutan hak pemeliharaan anak itu. Kadi Besar telah memberi hak Hadhanah anak itu kepada ibunya, pihak menuntut. Beliau merujuk kepada kitab *Kifayah al-Akhyar*, juzuk 2 di m.s 93, yang bermaksud, ‘Apabila mencerai seseorang lelaki akan isterinya dan ia mempunyai anak dengan isteri itu maka si isteri berhak memelihara anak itu sehingga anak itu berumur tujuh tahun. Hak Hadhanah akan terlucut sekiranya cacat salah satu daripada syarat-syarat berikut seperti yang di Nashkan dalam kitab yang sama di m.s 94, yang bermaksud, ‘Dan syarat-syarat Hadhanah itu tujuh. Berakal, merdeka, beragama, lemah lembut, amanah, tidak bersuami dan bermukim. Sekiranya kurang salah satu syarat-syarat tersebut gugurlah hak Hadhanah’. Dalam kes ini tidak ada hujah untuk mengugurkan hak

hadhanah emak dan hak pemeliharaan anak diberi kepada ibunya, pihak menuntut.

Susunan Keutamaan Orang-orang Yang Layak Terhadap Hadhanah

Seksyen 81 (2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984. Dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984. Dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pulau Pinang 1985.

Seksyen 82 (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002. Dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002. Dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 1990. Seksyen 77 (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perak 1984. Seksyen 87 (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 1992. Seksyen 85 (2) Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2003, seksyen 82(2). Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003, seksyen 82(2). Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang, 2005, seksyen 82(2). Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Terengganu, 2002, seksyen 82 (2), telah memperuntukkan:

“Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu hilang kelayakan di bawah hukum Syarak dan mempunyai hak terhadap Hadhanah atau penjagaan anaknya maka hak itu tertakluk kepada subseksyen (3) hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan:-

- (a) Nenek sebelah ibu hingga ke atas;
- (b) Bapa;
- (c) Nenek sebelah bapa hingga ke atas;

- (d) Kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (e) Kakak atau adik perempuan seibu;
- (f) Kakak atau adik perempuan sebapa;
- (g) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa;
- (h) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu;
- (i) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa;
- (j) Emak saudara sebelah ibu;
- (k) Emak saudara sebelah bapa;
- (l) Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai csabah atau residuari:

Enakmen dan Akta Undang Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan, Selangor, Kelantan, Melaka, Sabah dan Sarawak telah menambahkan “Dengan syarat bahawa penjagaan orang itu tidak menjelaskan kebaikan kanak-kanak itu”. Akta, Enakmen dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia (4) memperuntukkan:

“Jika ada beberapa orang dari keturunan atau peringkat yang sama, kesemuanya sama berkelayakan dan bersetuju menjaga kanak-kanak itu, penjagaan hendaklah diamanahkan kepada orang yang mempunyai sifat-sifat paling mulia yang menunjukkan perasaan paling kasih sayang kepada kanak-kanak itu, dan jika kesemuanya sama mempunyai sifat-sifat kemuliaan maka yang tertua antara mereka adalah berhak mendapat keutamaan”.

Mengikut pemerhatian penulis, pada peruntukan (4) (Akta Undang-undang keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan. Seksyen 81, 4) dalam Undang-Undang keluarga Islam di Malaysia, lebih tertumpu dan mengutamakan

kepada maslahat dan kebaikan anak-anak, kerana termaktub dalam fatwa;

“Sesungguhnya setiap penjaga dan anak jagaan masing-masing mempunyai hak jagaan, akan tetapi hak yang diberi kepada anak jagaan itu adalah lebih kuat daripada hak yang diberi kepada penjaga”. (Fatwa Ibn Ṣolāḥ yang tersebut dalam “Tufah” dan “Nihayah” serta diakui muktamadnya oleh Ḥāfiẓ Abū Ḥāfiẓ Shabrāmālī, dan juga sebagaimana yang disalin oleh Sayid Sabiq dalam *Fiqh al-Sunnah*, 1997, juz.2. Dār al-Fikr, Beirut. Hlm. 226.)

Berdasarkan kepada maslahat dan kebaikan anak-anak dan fatwa tersebut, penulis berpendapat bahawa hak jagaan ibu tidak hilang walaupun ibu sudah berkahwin lain dengan suami yang tidak ada ikatan pertalian persaudaraan dengan si anak, walaupun ada peruntukan Undang-Undang keluarga Islam di Malaysia mengatakan:

“Hak seseorang perempuan terhadap hadhanah adalah hilang:-

(a) Jika perempuan itu berkahwin dengan seorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu dalam mana orang lelaki itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, tetapi adalah kembali semula apabila perkahwinan itu dibubarkan.

Kemaslahatan dan kebaikan kanak-kanak lebih diutamakan dari kepentingan orang lain walaupun mereka mempunyai kalayakan dalam hak-hak hadhanah. Di antara kes-kes seumpama ini yang mengutamakan kemaslahatan dan kebaikan anak-anak ialah;

Dalam kes di Kelantan, *Harun -lwn-Gayah*, (1978 1 JH (1), 66) pihak-pihak dalam kes itu telah berkahwin pada tahun 1969 dan mempunyai seorang anak, Zaitun yang

dilahirkan pada tahun 1971. Mereka telah bercerai pada tahun 1972 dan selepas penceraian itu, anak tersebut telah tinggal dengan ibunya dan dijaga olehnya. Ayahnya telah mendaftarkan anak itu di sekolah di Kota Baharu dan pada tahun 1978 telah mengambil anak itu dan dihantarnya ke Sekolah. Selepas sebulan ibunya telah datang ke Sekolah itu dan mengambil anak itu balik ke kampungnya. Ibunya itu telah berkahwin semula. Ayah anak itu telah menuntut hak jagaan anak itu.

Setelah mendengar kisah-kisah itu, Yang Arif Kadi berpendapat anak itu telah dipelihara oleh ibunya sejak dari kecil lagi dan baru seminggu sahaja diambil oleh ayahnya. Dalam tempoh begitu lama Zaitun bersama-sama ibunya dipercayai kedudukannya lebih mesra dari yang lain dan kalau diperenggangkan Zaitun dari ibunya akan menyentuh jiwa hatinya yang menjegas maslahat dan kebajikannya terutama di dalam pelajaran walaupun di Sekolah yang lebih baik. Pokok dan tujuan Hadhanah ialah maslahat dan kebajikan budak yang dipelihara dan dijaga sebagai hak asasi bagi budak itu. Hak yang dipelihara mesti diutamakan daripada hak pihak yang memelihara.

Oleh itu Yang Arif Kadi telah memutuskan tuntutan ayah itu tidak sabit dan anak itu hendaklah di bawah jagaan ibunya mengikut fatwa “Sesungguhnya setiap penjaga dan anak jagaan masing-masing mempunyai hak jagaan akan tetapi hak yang diberi kepada anak jagaan itu adalah lebih kuat daripada hak yang diberi kepada penjaga”

Apabila rayuan dibuat kepada Jamaah Pengadilan, keputusan Kadi itu telah dikukuhkan dengan sedikit pindaan iaitu

hadhanah anak itu hendaklah diserahkan kepada Che Munah (Nenek sebelah ibu anak itu) yang berumur 60 tahun dan masih sihat akal fikirannya, bagi mentadbir urusan menjaga dan memelihara anak itu untuk dilaksanakan oleh sesiapa yang Che Munah suka.

Kelayakan Yang Perlu Untuk Penjagaan (Hadhanah)

Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri-Negeri Malaysia telah memperuntukkan syarat-syarat dan kelayakan yang tertentu untuk membolehkan seseorang itu mendapat hak dalam penjagaan, Syarat kelayakan hak penjagaan ini adalah semata-mata menitikberatkan kepada kepentingan, kebajikan dan kemaslahatan kanak-kanak terjamin, iaitu seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah.

Antara kelayakan-kelayakan yang telah diperuntukkan dalam Akta Wilayah-Wilayah Persekutuan, Enakmen-Enakmen Negeri Terengganu, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Sabah, dan Ordinan Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

Dia adalah seorang Islam;

Orang kafir tidak layak ditugaskan memelihara kanak-kanak Islam kerana sangat berbahaya kepada pertumbuhan Sakhsiyyah dan keagamaan. Ditakuti bahawa anak kecil yang di asuhnya itu akan dibesarkan dengan agama pengasuh. Rasulullah SAW bersabda:

“Setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan fitrah. Ibu bapanya lah yang menjadikan mereka Yahudi, Nasrani dan Majusi”

(b) Dia sempurna akal;

Orang gila ataupun nyanyuk ialah orang yang tidak berupaya menguruskan diri sendiri. Oleh yang demikian, mereka tidak layak untuk memelihara kanak-kanak.

(c) Dia berumur yang melayakkan dia memberikan kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang diperlukan oleh kanak-kanak itu;

Orang yang belum cukup umur tidak boleh diberikan tanggungjawab memelihara kanak-kanak, kerana dia sendiri masih berada di bawah jagaan orang lain.

(d) Dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan

Orang Fasik dan berakhlek buruk tidak layak memelihara anak-anak. Di sebutkan juga bahawa dia mestilah seorang yang dapat menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu yang haram di sisi agama Islam, seperti minum arak atau meninggalkan sembahyang yang wajib. Pengasuh juga mestilah seorang yang amanah atau yang boleh dipercayai.

(e) Dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Suasana alam persekitaran hendaklah selamat dari anasir-anasir atau pengaruh yang tidak sihat, seperti kawasan terdedah dengan pelacuran, penagih dadah dan gangster. Dalam suasana tempat tinggal juga perlu diambil kira oleh Mahkamah dalam menentukan keselamatan dan kebaikan kanak-kanak. Akibat alam persekitaran tempat tinggal kanak-kanak tidak terjamin mengakibatkan kanak-kanak diasuh dan dididik dalam suasana pengaruh dan budaya yang rusak yang menghancur masa depan kanak-kanak itu sendiri.

Dalam kes yang berlaku di

Wilayah Persekutuan, *K –lwn- S.* (1987 6 JH 332.) Dalam kes ini, seorang anak perempuan telah mula-mulanya diberi kepada ibunya untuk dijaga. Bapanya merayu kerana anak itu telah diperkosakan dan mengidap penyakit kelamin. Kedua-dua pihak kemudian bersetuju jagaan patut diberi kepada bapanya dan Mahkamah pun bersetuju memandangkan perubahan matan dalam kes ini dan kebijakan anak itu sebagai pertimbangan yang utama, perintah persetujuan yang dikemukakan oleh pihak-pihak itu disahkan dan hak jagaan anak itu diberi kepada bapanya dengan hak lawatan yang munasabah diberi kepada ibunya.

Kerana maslahat hadhanah itu ialah masalah yang kembali kepada anak itu sendiri kerana ibu lebih sanggup berkorban daripada bapanya sekalipun bapa sanggup berkorban untuk anaknya, kerana bapa tidak merasakan sakit mengandung dan melahirkan tetapi ibu merasakan segala-galanya. Oleh sebab itu ibu sempurna jagaan daripada bapanya. Hadhanah anak itulah yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul yang tidak boleh dipinda-pinda lagi. Islam telah meletakkan syarat-syarat bagi penjaga iaitu;

(a) Ibu itu merdeka

(b) ^cAqilah (berakal dan tidak gila)

(c) Balighah (tidak kanak-kanak)

(d) Mampu memelihara (tidak buta, cacat anggota atau terlalu tua)

(e) Amanah

(f) Tidak murtad

(g) Tidak berkahwin lain dengan mereka yang tidak ada hubungan dengan kanak-kanak.

(h) Tidak musafir

(i) Yang memelihara itu tidak mempunyai hubungan kerabat haram dengan kanak-kanak (Muhammad 'Aqlah, 1990: 357-363).

Sekiranya syarat-syarat ini tidak ada pada yang berhak maka penjaga berpindah mengikut yang telah diatur sebagaimana hak wilayah menjadi wali akad nikah dan tidak boleh dipinda.

Maka pada pendapat Mahkamah, yang menuntut tidak ada satu pun cacat cela daripada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak. Maka hukum itu tetap berjalan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah. Barang siapa melanggar hukum ini maka bererti ia telah melanggar hukum Allah yang berhak mendapat kesiksaan Allah di Dunia dan Akhirat”.

Berdasarkan hujah-hujah Syariah ini maka Mahkamah mensabitkan permohonan yang menuntut untuk mendapatkan hak hadhanah.

Kehilangan hak Hadhanah

Akta, Enakmen dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri di Malaysia telah memperuntukkan bahawa hak seseorang perempuan terhadap hadhanah akan hilang sekiranya:

(a) Jika perempuan (penjaga) itu berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjelaskan kebijakan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali jika perkahwinan itu dibubarkan;

Dalam kes di Wilayah Persekutuan Kamaruddin -lwn- Rosnah, (1989 JH, Jld. VI Bhg.II, 282.) Kedua-dua pihak telah berkahwin dan kemudiannya bercerai. Mereka mempunyai tiga orang anak. Anak perempuan yang besar umur sepuluh tahun telah memilih tinggal dengan bapanya, dan dua lagi anak lelaki yang kecil telah diserahkan untuk sementara kepada bapanya juga hingga tuntutan dibuat oleh ibunya untuk hak jagaan mereka. Pihak kena tuntut selepas itu telah mengambil dua orang anak itu dari pihak menuntut. Kemudiannya ibu itu telah berkahwin semula dengan seorang lelaki bukan muhrim kepada anak-anaknya. Bapanya telah membuat tuntutan hak jagaan dua orang anak itu. Pihak kena tuntut pula juga menuntut balas hak jagaan itu dan nafkah untuk dua anak itu.

Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memutuskan oleh kerana pihak kena tuntut telah berkahwin lagi dengan seorang yang tidak ada pertalian darah dengan anak-anaknya yang mengharamkan perkahwinan, maka hak pemeliharaan (Hadhanah) telah gugur atau hilang daripadanya. Beliau juga berpendapat oleh kerana ibu itu adalah bekerja, adalah lebih baik menjadi kebijakan kepada anak-anak itu sekiranya mereka itu diletakkan di bawah satu jagaan sahaja dengan dikumpulkan semua adik beradik sekali. Pemohon masih belum berkahwin dan Mahkamah percaya dia akan dapat menumpukan sepenuhnya perhatian kepada perkembangan hidup anak-anaknya.

Justeru itu Mahkamah telah meluluskan permohonan pihak yang menuntut (bapa) untuk hak pemeliharaan kedua-dua anak mereka.

Tamatnya Tempoh Hadhanah

Merujuk kepada hukum *fiqh* dalam bab hadhanah dari Mazhad Hanafi, Malik, Syafi^ce dan Hanbali ada menyebut; Jika kanak-kanak itu mampu berdikari dan tidak memerlukan pengasuh seorang perempuan lagi dan dapat memenuhi keperluan asasnya sendiri, maka tempoh hadhanah dikira telah tamat. Tempoh hadhanah pada kanak-kanak tamat apabila mencapai umur *Mumayyiz* iaitu berumur tujuh tahun, sekiranya lelaki; dan Sembilan tahun, jika perempuan (*Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā* dan ^c*Ali al-Sarbaji*, 2007 hlm.184).

Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di beberapa buah negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Ordinana Negeri Sarawak 2001 telah memperuntukkan:

(1) Hak Hadhanah bagi menjaga seseorang kanak-kanak tamat apabila kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur Sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan Hadhanah membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur Sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.

(2) Setelah tamatnya hak Hadhanah, Penjagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (*Mumayyiz*), maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Hak Memilih

Merujuk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dibeberapa buah negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Ordinana Negeri Sarawak 2001, bahawa kanak-kanak apabila mencapai had *mumayyiz* iaitu umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur Sembilan tahun, jika kanak-kanak perempuan, maka Mahkamah (2) telah memperuntukkan hak kepada kepada kanak-kanak untuk membuat pilihan untuk tinggal dengan siapa sama ada ibu atau bapa atau lainnya.

Dalam peruntukan ini, penulis mendatangkan beberapa kes yang berlaku dipersekutaran hak anak memilih kepada siapa yang ia suka untuk tinggal bersamanya apabila anak itu mencapai had umur *mumayyiz*. Antara kes-kes berikut yang telah diputuskan oleh Mahkamah ialah:

Dalam kes di Perlis, *Mansor -lwn- Che Ah* (1975 2 JH 261.), pihak-pihak telah bercerai dan selepas perceraian itu anak-anak berumur dua tahun, lapan tahun dan Sembilan tahun telah tinggal dengan ibu mereka. Kemudian, bapanya pihak menuntut telah menuntut supaya pihak kena tuntut menyerahkan balik ketiga-tiga anak kepadanya. Anak itu ada seorang yang masih menyusu manakala dua orang lagi sudah *Mumayyiz*.

Mahkamah telah memanggil dua orang anak yang *mumayyiz* itu dan disuruh memilih kepada siapa mereka hendak tinggal. Anak-anak telah memilih ibunya. Kadi telah memutuskan hak jagaan anak diberi kepada jawapan, ibu mereka. Beliau telah merujuk kepada hadith-hadith berikut:

(a) Daripada Abdullah Bin Umar. Bahwasanya seorang perempuan berkata, ‘Ya Rasulullah, bahwasanya anak saya ini, perut saya jadi kandungannya dan susu saya tempat minumnya, pangkuhan saya jadi tempat perlindungannya, tetapi bapanya telah ceraikan saya dan hendak mengambilnya dari saya’. Maka Rasulullah bersabda ‘Engkaulah yang lebih berhak memeliharanya selama engkau belum berkahwin’. (Riwayat Ahmad Wal-Rabiayah)

(b) Dari Abu Hurairah: Bahwasanya seorang perempuan telah berkata, ‘Ya Rasulullah! Bahawa bekas suami saya hendak mengambil anak saya, pada hal ia berguna bagi saya, dan ia mengambil air untuk saya dari telaga Abi Anabah, lalu datang suaminya, maka sabda Rasulullah ‘Hai anak! Ini bapamu dan ini ibumu. Peganglah tangan siapa yang engkau kehendaki dari mereka. Lalu anak itu pegang tangan ibunya dan ibunya membawa dia pergi’. (Riwayat Ahmad Wal-Rabiayah)

(c) Dari Abu Hurairah: ‘Sesungguhnya Nabi SAW. Pernah memutuskan supaya seorang anak Mumayyiz memilih di antara ibunya dan bapanya’.

Hak Lawatan.

Mahkamah juga memutuskan mengikut Akta, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri di Malaysia dan Ordinan Negeri Sarawak apabila Mahkamah memberi hak jagaan kanak-kanak kepada salah seorang daripada ibu atau bapa, atau Mahkamah memberi hak memiliki kepada kanak-kanak yang *mumayyiz* untuk menentukan penjagaan yang ia sukai sama ada ibu atau bapa, Maka manapun pihak sama ada ibu atau bapa yang diberi

hak penjagaan kanak-kanak terbabit tidak ada hak untuk melarang atau menegah kepada mereka yang diberi hak lawatan untuk melihat dan bermanja-manja dengan anaknya yang dibawah jagaan penjaga itu.

Hak lawatan ini jelas dalam peruntukan akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984. Seksyen 87 (2):

(c) Mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu melawat ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan pada mas-masa dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;

(d) Memberi ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan dengan seberapa kerap yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah; atau

(e) Melarang orang yang diberi jagaan itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.

Dalam kes di Johor, *Wan Junaidah – lwn- Latiff*, (1989 8 JH 122.) yang menuntut dan kena tuntut telah bernikah dalam tahun 1976 dan telah bercerai dalam tahun 1986. Mereka mempunyai tiga orang anak berumur enam tahun, sebelah dan dua belas tahun. Dua anak yang besar telah dihantar belajar di Muar dan duduk dengan kakak sepupu bapanya.

Yang menuntut telah membuat tuntutan mengenai penjagaan anak. Hakim memutuskan peliharaan dua anak yang besar diberi kepada bapanya dan peliharaan anak

yang kecil dikekalkan dengan ibunya, dengan hak melihat dan mengambilnya untuk masa tertentu diberi kepada masing-masing pihak yang ditetapkan dan dipersetujui bersama.

Penjagaan Anak Tak Sah Taraf

Pengistilahan anak tak sah taraf bermaksud seseorang anak yang dilahirkan diluar nikah iaitu anak kelahiran tanpa sebarang ikatan perkahwinan di antara kedua-dua ibu bapa dan bukan anak dari perhubungan kelamin akibat salah sangka atau *syubhah*.

Menurut pandangan umum masyarakat, anak tak sah taraf lebih dikenali sebagai “anak haram”. Kedudukannya amat hina pada pandangan masyarakat lantaran dia lahir ke dunia dengan tidak berbapa atau tidak diketahui siapa bapanya.

Dari perspektif Islam pula anak tak sah taraf ini tidak pernah disisih dari sebarang aktiviti yang harus seperti mana kanak-kanak lain yang sah taraf. Oleh yang demikian anak yang tak sah taraf ini tidak putus nasab dengan ibunya, ketuturanan dari ibunya dan orang-orang lain yang menjadi keluarga ibunya (Azhar b. Abd. Aziz, Baterah bt. Alias, Fatimah bt. Salleh, 2000,: 200)

Akta, Enakmen negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan penjagaan kanak-kanak tak sah taraf ini adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu. Walau bagaimanapun kuasa Mahkamah berhak membuat perintah mengenai penjagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam pasal (1):

Walau apapun peruntukan seksyen 81, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah memilik untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam jagaan salah seorang

daripada orang-orang yang tersebut di dalam seksyen itu atau, jika ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan tidak diingini bagi kanak-kanak itu diamanahkan kepada salah seorang daripada orang-orang itu, Mahkamah boleh perintah dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu, dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuan-tujuannya adalah termasuk kebajikan kanak-kanak.

Hadhanah Terhadap Anak Yatim

Penjagaan bagi anak yatim ini, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984. 102 dan Enakmen-Enakmen setiap negeri Malaysia telah memperuntukkan:

Jika bapa dan datuk lelaki seseorang kanak-kanak yang telah mati tanpa melantik seorang penjaga melalui wasiat, mana-mana penghulu, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan, mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang ada mampu mempunyai kuasa-kuasa seorang Pelindung di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang -Orang Muda 1947, boleh menyebabkan kanak-kanak itu dibawa ke hadapan Mahkamah dan Mahkamah boleh melantik seorang penjaga sama ada bagi diri atau bagi harta kanak-kanak itu atau kedua-duanya.

Penutup

Apa yang dapat penulis perhatikan dari hasil kajian ini, penulis telah dapat membuat penilaian bahawa Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia ini menepati ciri-ciri yang unggul iaitu:

(1) Menepati Hukum sebagai mana yang terkandung dalam Hukum Fiqh.

(2) Peneliti khusus kepada kemasyhahatan dan kebaikan kanak-kanak lebih daripada kepentingan hak penjagaan.

(3) Akta, Enakmen dan Ordinan negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak selaras dalam menggubal Undang-Undang Keluarga Islam dalam soal-soal dan kepentingan Hadhanah.

Bibliografi

Al-Qur'an

Abdullah Bin Muhammad Basmih. 1994. **Tafsir Pimpinan Al-rahman**. Cetakan Ke-11. Bahagian Hal ehwal Islam Jabatan Pendana Menteri, kuala Lumpur.

Abdul al-aziz Amin. 1961. **Ahwal Al-Shahsiyyah Fi Al-Syariat Al-Islamiyyah Fiqhan Wa Qada'an**. Mesir, Dar. Al-Kitab Al-Arabi.

Azhar b. Abd. Aziz, Baterah bt. Alias, Fatimah bt. Salleh. **Undang-Undang Keluarga Islam**. I Book Publication Sdn Bhd

Al-Khin, Al-Bugha, Ali Sharbaji. n.d. **Fiqh Al-Minhaji 'Ala Mazhab Al-shafi'e**. Jilid 2. Cetakan Ke2 Dimasy. Dar. Al-Qalam.

Al-Ramli Ibn Shihabuddin, Shamsuddin Muhammad Bin Abi abbas. 1387 H **Nihayatul Al- Muntaj Ila Sharhi Al-Minhaj**. Jilid 3. Mesir. Matba'ah Mustafa Al-Baby Al-halabi.

Muhammad ḨAqlah, 1990, **Nizām al-Usrah Fi al-Islām**, Maktabah al-Risālah al-Hadithah, Ḩammān al-Urdun.

Ibn Hajar al-Asqalany, Shihab al-Din Ahmad Ibn 'Ali Ibn Muhammad, 1997, **Takhish al-Hibbiyah Fi Takhrij Ahādīth al-Rafī'e**

al-Kabir, jid 4. bab hadhanah Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāz, makkah al-Mukarramah- Riyadh.

Undang-Undang Keluarga Islam. 2006. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Cetakan 1. 2006.

Harian Metro, Edisi Tengah, Khamis, 22 november 2007

Sinar Harian. Bil. 436. 16 November 2007.

Sinar Harian. Bil 423. 03 November 2007.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perak.2004

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang, 2004.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang, 2005

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan, 2003.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.

Enakmen Undang-Undan Keluarga Islam Negeri Melaka 2002.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Johor 1990.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 1992.

Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis, 2003.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Terengganu, 2002.